



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KAJIAN PENGGUNAAN DIALEK NEGERI SEMBILAN DALAM SKRIP FILEM THIS
IS PILAH 2018

PROJEK PENYELIDIKAN 1 DAN 2

MUHAMAD HAIKAL ASYRAF BIN MUHAMMAD HAYATTUDDIN

Laporan yang diserahkan untuk memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda
Keusahawanan Sarjana Muda Teknologi Kreatif Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2020/2021

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	4
	ABSTRAK	5
BAB 1	PENGENALAN 1.0 PENGENALAN KEPADA KAJIAN 1.1 PERMASALAHAN KAJIAN 1.2 OBJEKTIF KAJIAN 1.3 PERSOALAN KAJIAN 1.4 SKOP KAJIAN 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN 1.6 STRUKTUR ORGANISASI	6-7 8 8 9 10 11 12-13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR 2.0 PENGENALAN KEPADA KAJIAN 2.1 DEFINISI 2.2 KAJIAN LEPAS 2.3 KESIMPULAN	14 14-15 16-18 19
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN 3.0 PENGENALAN KEPADA METODOLOGI KAJIAN 3.1 REKABENTUK KAJIAN DAN TEKNIK KAJIAN	20 20-21

	3.1.1 INSTRUMEN KAJIAN	21-23
BAB 4	4.0 PENGENALAN 4.1 ANALISIS FILEM THIS IS PILAH (2018) 4.2 KESESUAIAN DIALEK NEGERI SEMBILAN 4.3 KESIMPULAN	24 24-32 33-34 35
BAB 5	5.0 PENGENALAN 5.1 RUMUSAN 5.2 CADANGAN 5.3 KESIMPULAN	36 36-39 40 41
	RUJUKAN	42-43

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah, akhirnya saya berjaya dalam menyiapkan projek penyelidikan saya dengan izin-Nya. Dengan itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Encik Fairuladlan Bin Hamadun yang banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini sehingga ke peringkat akhir. Saya juga berterima kasih kepada beliau kerana sangat prihatin dan sentiasa memberikan dorongan dalam memastikan perjalanan projek penyelidikan saya disiapkan dengan mengikuti aspek-aspek yang tertentu. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan ayah saya yang banyak memberikan bantuan dari segi sokongan motivasi dan sokongan moral sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan sekelas saya, rakan-rakan seperjuangan kerana telah memberikan kerjasama dan pertolongan dalam usaha menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata, dengan rendah diri saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji dialek Negeri Sembilan yang digunakan dalam filem This Is Pilah (2018) arahan Rosdi Md Dali. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti dialek Negeri Sembilan yang telah digunakan dan menganalisis ketepatan penggunaan dialek Negeri Sembilan serta untuk mengetahui adakah ia boleh diaplikasikan kepada projek yang akan dihasilkan. Hasil kajian mendapati bahawa dialek Negeri Sembilan boleh digunakan dalam dalam filem mahupun projek yang akan dihasilkan pada masa akan datang.

ABSTRACT

This study examines the Negeri Sembilan dialect used in the film This Is Pilah (2018) directed by Rosdi Md Dali. The purpose of this study is to identify the dialect of Negeri Sembilan that has been used and 5inguis the accuracy of the use of dialect of Negeri Sembilan and to find out whether it can be applied to the project to be produced. The results of the study found that the Negeri Sembilan dialect can be used in films or projects that will be produced in the future.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Dialek adalah satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah contoh seperti Kelantan atau Kedah, sosial iaitu variasi bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kumpulan sosial atau lapisan masyarakat bahasa misalnya bahasa istana (Pustaka, 2015). Dialek juga adalah salah satu warisan masyarakat yang diwarisi sejak turun-temurun lagi seperti dialek melayu pattani yang digunakan oleh masyarakat yang berdekatan dengan sempadan Malaysia-Thailand (Omar,1991).

Dialek juga bukan hanya digunakan dalam pertuturan seharian oleh masyarakat, ia juga digunakan dalam pelbagai jenis bidang dan aktiviti seharian termasuklah digunakan dalam bidang perfileman. Di Malaysia, dialek yang digunakan telah dikategorikan kepada lima kawasan utama iaitu negeri di barat daya seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang meliputi Perak Utara. Manakala negeri di bahagian timur laut pula adalah Kelantan dan timur pula adalah Terengganu. Seterusnya adalah di bahagian selatan seperti dialek di Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Pahang dan juga Selangor yang kebanyakan adalah masyarakat Jawa (Omar, 1991).

Filem *This Is Pilah* (2018) merupakan sebuah filem arahan Rosdi Md.Dali. Filem ini diterbitkan oleh syarikat Madness Films Sdn Bhd dengan menelan belanja sebanyak RM 1 Juta. Antara barisan pelakon yang membintangi filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali ini adalah Waris, Juzzthin, Zaidatul Iesna, Kazar, Eliza Mustafa, Joey Daud, Syamsul Debat dan beberapa artis yang lain. Filem ini mula ditayangkan di panggung wayang pada 21 Jun 2018 dan ia telah mendapat kutipan sebanyak RM 45 Ribu.

Apa yang menarik tentang filem *This Is Pilah* (2018) ialah filem ini memaparkan tentang hasrat seorang pemuda di Kuala Pilah yang ingin memperisterikan gadis idamannya tetapi terpaksa berdepan dengan halangan mak gadis itu kerana berasal dari suku yang sama. Memandangkan filem ini memiliki keunikan yang tersendiri dalam memartabatkan dialek Negeri Sembilan, maka ia terdorong pengkaji untuk melihat dialek Negeri Sembilan dalam skrip filem *This Is Pilah* (2018).

Adakah penggunaan dialek itu bersesuaian dengan jalan cerita yang telah dicipta berdasarkan skrip tersebut. Pengkaji juga ingin mengkaji sejauh mana filem yang diterbitkan berdasarkan dialog menggunakan dialek masyarakat tempatan ini menggunakan bahasa dialek yang tepat dan betul berdasarkan makna yang hendak disampaikan bersaing dengan filem-filem tempatan yang lain yang hanya menggunakan bahasa baku biasa. Akhir sekali adalah untuk mengkaji penggunaan dialek ini bolehkah diaplikasikan filem-filem ataupun drama yang akan dihasilkan oleh pengkaji pada masa akan datang.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Tinjauan yang dijalankan terhadap kajian-kajian lepas mendapati bahawa masih terdapat jurang kajian yang perlu dijalankan dalam aspek dialek bahasa khususnya dialek Negeri Sembilan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali. Oleh itu, kajian ini hadir dengan memberi tumpuan terhadap ketepatan penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali :

- i. Penggunaan dialek tidak menepati kesesuaian penggunaan.
- ii. Dialek yang digunakan dalam skrip tidak menepati maksud sebenar perkataan.
- iii. Kekurangan kajian lepas yang mengkaji tentang penggunaan dialek dalam skrip filem.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian yang perlu dicapai melalui kajian ini ialah :

- i. Mengkaji dialek Negeri Sembilan yang digunakan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali.
- ii. Menganalisis ketepatan penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali.
- iii. Mengaplikasikan penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam projek yang akan dibangunkan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan kajian yang digunakan untuk mencapai objektif dengan betul serta mengikuti kesesuaian tajuk. Antara beberapa persoalan kajian yang telah dikenal pasti adalah:

- i. Adakah dialek Negeri Sembilan yang digunakan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali bertepatan dengan maksudnya yang sebenar ?
- ii. Adakah ketepatan penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali ini bertepatan dengan maksud yang ingin disampaikan ataupun tidak ?
- iii. Bagaimanakah penggunaan dialek Negeri Sembilan dapat diaplikasikan dalam projek yang akan dibangunkan ?

Untuk persoalan kajian yang pertama, pengkaji akan menggunakan kaedah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk menganalisis adakah penggunaan dialek Negeri Sembilan sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai sebuah penulisan skrip dan akhirnya akan diterbitkan sebagai sebuah filem.

Seterusnya untuk persoalan kajian yang kedua, pengkaji perlu mendalami dan memahami tentang isi kandungan skrip dan setiap perkataan dialek yang ingin disampaikan oleh penulis skrip filem tersebut dengan membuat beberapa kaedah kajian seperti menganalisis kandungan dengan menjadi audiens dengan menonton sendiri filem tersebut. Pengkaji juga perlu mendapatkan maklumat untuk memastikan setiap perkataan yang digunakan adalah tepat dan betul dengan melakukan pencarian melalui sumber internet.

Akhir sekali adalah pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah kajian yang bersesuaian untuk mendapatkan teori ataupun maklumat yang bertepatan dengan penggunaan dialek tersebut.

1.4 SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan terhadap filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali. Filem ini telah dipilih menjadi subjek utama kajian kerana kandungan naratifnya menggunakan dialek Negeri Sembilan sebagai perantara utama pelakon. Filem ini juga memiliki keunikan yang tersendiri dimana sehingga tahun 2018, filem yang menyetengahkan dialek Negeri Sembilan kurang diterbitkan dalam kalangan penggiat filem tanah air.

Dialek Negeri Sembilan turut menjadi tumpuan dalam kajian ini. Hal ini disebabkan oleh dialek Negeri Sembilan jarang digunakan sebagai bahasa perantara dalam filem mahupun kajian-kajian lepas. Kebanyakan kajian sedia ada tertumpu kepada dialek Kelantan, dan juga dialek Utara. Sebagai contoh, Menurut kajian oleh Halimatun Saadiah (1999), beliau menyatakan bahawa kajian mengenai dialek telah mula dikaji oleh pengkaji-pengkaji barat seperti A.J Sturrock yang merupakan pengkaji barat yang terkenal dalam bidang dialek.

Terdapat juga beberapa pengkaji barat yang membuat kajian tentang berkaitan dialek Ulu Muar dan sehingga dapat menghasilkan karya bertajuk *Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay*. Selain itu, terdapat terdapat pengkaji lain juga yang mengkaji tentang dialek di Malaysia contohnya oleh Asmah Hj Omar (1991:31) mengatakan bahawa kawasan dialek di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada 5 kawasan utama seperti Kelompok barat daya iaitu Kedah dan Perlis, kelompok timur laut iaitu dialek Kelantan dan sebagainya.

Terdapat juga kajian tentang dialek Negeri Sembilan namun ianya lebih kepada bidang Morfosintaksis dialek Negeri Sembilan dan Dialek Minangkabau iaitu kajian oleh Norsimah Awal (2017), ianya lebih mengkaji tentang sistem fonologi dan kata sapaan (Norsimah Awal,

2017). Namun tidak banyak kajian yang telah dibuat mengenai kajian dialek yang digunakan dalam filem.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada penyelidik-penyelidik yang lain yang ingin mengkaji tentang dialek yang selalu digunakan dalam media hiburan dan ia juga boleh dijadikan sumber rujukan untuk para penggiat seni untuk mendalami cara penggunaan dialek sesebuah negeri dengan betul.

Masyarakat luar dapat mengetahui tentang dialek-dialek yang terdapat di negara kita disamping dapat mempelajari dan memahami beberapa dialek yang selalu digunakan dalam drama dan juga filem. Disamping itu, masyarakat juga dapat mengenalpasti dialek-dialek yang selalu digunakan dalam filem seperti dialek Negeri Sembilan, dialek Kelantan dan juga Loghat Kedah yang kebanyakan diguna dalam skrip drama dan filem tempatan

Daripada kajian ini , penggiat seni di Malaysia dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai sumber rujukan utama untuk menghasilkan sesuatu karya sama ada drama mahupun filem yang menggunakan dialek sebagai suatu penanda aras rujukan dalam menghasilkan skrip menggunakan dialek masyarakat yang ada di Malaysia.

1.6 STRUKTUR ORGANISASI KAJIAN

Secara keseluruhan, kajian ini mengandungi lima bab. Bab satu adalah merangkumi perbincangan mengenai pengenalan kepada kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan struktur organisasi kajian. Bab satu memberi maklumat daripada kajian yang dianalisis, dikaji dan diaplikasi. Selain itu, bab satu juga menerangkan pelbagai persoalan dan jawapan dari pelbagai ilmu pengetahuan yang dikaji. Bukan itu sahaja, bab satu juga akan menerangkan maklumat yang menarik untuk dikongsi kepada masyarakat luar. Sebagai contoh cara untuk membuat skrip dengan mudah menggunakan dialek.

Bab dua menerangkan tentang kajian literature. Bahagian ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh sarjana yang menjadi rujukan utama kepada pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini. Bab dua juga membincangkan secara lebih terperinci latar belakang teori atau konsep yang digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka analisis.

Seterusnya adalah bab tiga. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan metodologi kajian yang digunakan oleh penyelidik untuk menjalankan kajian bagi menjelaskan satu perkaitan antara objektif kajian seperti yang dinyatakan dalam bab satu dengan kaedah pengumpulan data. Terdapat beberapa perkara yang disentuh dalam bab ini merangkumi rekabentuk kajian, lokasi kajian, responden kajian, 12inguistic kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur kajian dan analisis yang dihuraikan secara terperinci melalui subtajuk yang ditentukan.

Pada bab empat, kajian akan diterangkan secara terperinci analisis data yang telah dilakukan dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang telah dijalankan. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis terperinci dan analisis umum. Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian yang telah dikemukakan pada bab 1. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab semua persoalan kajian yang telah dikemukakan dalam bab 1.

Bab lima ini membincangkan tentang dapatan kajian yang dibentangkan dalam bab empat. Perbincangan dibuat dalam lima bahagian merangkumi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan rumusan. Bahagian pertama adalah ringkasan kajian yang menjelaskan ringkasan kajian yang dilakukan meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, metodologi kajian, pemilihan sampel dan lokasi kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang kajian lepas yang dijadikan sebagai panduan dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Kajian-kajian lepas dianalisis dalam konteks dialek dan filem bagi melihat ruang yang perlu dikaji. Sehubungan dengan itu, bab ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu definisi dialek, kajian dialek dan kesimpulan bab.

2.1 DEFINISI

Dialek-dialek terdapat di Malaysia yang telah digunakan dikategorikan kepada lima kawasan utama iaitu negeri di barat daya seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang meliputi Perak Utara. Manakala negeri di bahagian timur laut pula adalah Kelantan dan timur pula adalah Terengganu. Seterusnya adalah di bahagian selatan seperti dialek di Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Pahang dan juga Selangor yang kebanyakan adalah masyarakat Jawa (Omar, 1991).

Dialek adalah satu bentuk bahasa yang digunakan dalam sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelas sosial berbeza daripada bahasa standard, loghat, pelat daerah contoh seperti

Kelantan atau Kedah, sosial iaitu variasi bahasa yang dituturkan oleh sesuatu kumpulan sosial atau lapisan masyarakat bahasa misalnya bahasa istana.

Dialek dalam erti kata lain adalah sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, tatabahasa ataupun penggunaan kata-kata tertentu. Kelainan tersebut tidak begitu besar sehingga boleh dianggap sebagai satu bahasa yang lain (Abdul Hamid Mahmood, 1990).

Untuk takrifan lain, dijelaskan bahawa sesuatu bahasa atau dialek berbeza daripada bahasa atau dialek lain akibat daripada pengaruh alam dan persekitaran yang berlainan. Perbezaan dialek ini boleh dilihat melalui sistem bunyi dan leksikal (Norazila, 1986).

Seperti yang diketahui umum, bahasa dan dialek sudah lama wujud dalam masyarakat setempat di negara ini. Mungkin dialek ini telah wujud seiring dengan kewujudan bahasa Melayu yang kini telah menjadi bahasa rasmi negara Malaysia. Namun dialek ini bukanlah sebuah bahasa yang boleh dijadikan bahasa rasmi kerana ianya berbeza mengikut kedudukan geografi dan juga perbezaan dari segi fonologi dan sebutan.

Menurut Asmah Hj Omar (1991), konsep dialek boleh dilihat kepada perkembangan tamadun manusia di seluruh dunia menimbulkan lapisan-lapisan sosial dalam masyarakat yang ditandai dengan perbezaan-perbezaan antara satu lapisan dengan lapisan yang lain dari segi cara hidup dan juga tutur kata. Tutur kata yang berubah dari segi satu lapisan kepada lapisan yang lain dikenali sebagai sosiolect (sosiolek) atau social dialect. Dengan adanya pengertian seperti ini, maka konsep dialek telah mendapat dimensi yang lain iaitu dimensi sosial. Dengan konsep ini, ia boleh digunapakai dalam industri perfileman kerana dialek ini

berfungsi sebagai suatu cara komunikasi yang lain antara sesuatu masyarakat dengan masyarakat yang lain.

2.2 KAJIAN LEPAS

2.2.1 KAJIAN DIALEK

Terdapat beberapa pengkaji yang telah mengkaji tentang dialek Negeri Sembilan, namun tidak ramai pengkaji yang membuat kajian tentang penggunaan dialek dalam skrip filem. Disamping itu, di Malaysia tidak banyak filem yang telah diterbitkan menggunakan seratus peratus dialek dalam penulisan skrip filem tersebut. Hanya dalam drama sahaja yang banyak menggunakan dialek dalam skrip mereka.

Antara pengkaji tempatan yang membuat kajian tentang dialek ini adalah Asmah Hj Omar (1991 :31) mengatakan bahawa kawasan dialek di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada 5 kawasan utama dan kawasan-kawasan itu ialah :-

1. Kelompok barat daya yang terdiri daripada Kelompok Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang meliputi Perak Utara.
2. Kelompok Timur Laut iaitu dialek Kelantan
3. Kelompok Timur yang meliputi Terengganu

4. Kelompok Selatan yang meliputi dialek yang dituturkan di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan.

5. Dialek Negeri Sembilan

Selain itu, dalam pembinaan skrip, serikata perkataan dan maksud sesuatu itu adalah sangat penting kerana sesuatu perkataan mahupun sebuah ayat yang dikarang akan mempengaruhi pemahaman penonton. Mohd Isa (1999) telah membuat kajian mengenai dialek Bengkulu. Beliau telah mengkaji dialek Bengkulu di Kampung Sg.Choh, mukim Serendah dan berhampiran dengan Bandar Perindustrian Rawang. Beliau terdorong untuk menjalankan penyelidikan ini adalah kerana bukan sahaja ciri-ciri fonologi dan leksikalnya yang menarik, malah dialek ini diucapkan dengan gaya bahasa dan nada yang tersendiri.

Terdapat beberapa pengkaji yang mengkaji tentang bahasa dialek Negeri Sembilan. Antara kajiannya adalah bertumpu kepada aspek fonologi dan perbandingan dengan dialek lain. Contohnya Noraliza Alias (1986) telah membuat kajian tentang dialek Kuala Pilah dimana beliau mengetengahkan vokal dan konsenan dialek Kuala Pilah yang dianggapnya begitu unik dan istimewa. Hasil kajian mendapati bahawa refleksi vokal (o) digunakan dalam dialek tersebut. Contohnya untuk sebutan *perut*, akan berbunyi seperti *Porot*. Berbeza dengan dialek negeri yang lain contohnya dialek Kelantan. Setiap perkataan yang pada akhirnya huruf *an*, *ang* dan *am* akan ditukar kepada *ey* contohnya *bukan* akan menjadi *bukey*, *ayam* akan menjadi *aye* dan sebagainya.

Kajian lain pula, misalnya kajian Ramli Salleh (2002), yang menganalisis aspek sintaksis dialek Negeri Sembilan. Dalam kajiannya, beliau menyatakan bahawa dialek Negeri Sembilan banyak dipengaruhi oleh dialek Minangkabau, khususnya dari segi fonologi dan morfologi. Berdasarkan ciri sintaksis, didapati bahawa ayat dialek Negeri Sembilan

berstruktur FN-FN tanpa kata kerja yang menghubungkan subjek dengan pelengkap iaitu adalah atau ialah (Mohammad Fadzeli Jaafar,2017).

Kajian seterusnya lebih tertumpu kepada pengaruh dialek selain daripada dialek Negeri Sembilan. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Halimatun Saadiah (1999) iaitu dalam bukunya bertajuk Analisis Fonologi dan Leksikal dialek Pahang, beliau menyatakan bahawa kajian mengenai dialek telah dimulakan oleh pengkaji barat. A.J Sturrock merupakan seorang pengkaji barat yang terkenal dalam bidang dialektologi. Sementara pengkaji barat lain seperti R.S. Hendon (1996) telah membuat kajian berkaitan dengan dialek Ulu Muar sehingga berjaya menghasilkan karya yang bertajuk *Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay*. Manakala pengkaji barat pertama yang membuat kajian berkaitan dialek Terengganu ialah James T. Collins (1983) iaitu tajuk kajiannya *Malay Dialect Research in Malaysia : The Issue of Perspective* di mana kajian beliau lebih menfokuskan kepada dialek Ulu Terengganu.

Abdullah Abdul Kadir (Munsiy Abdullah) pada tahun 1938 telah mencatat beberapa kelainan dialek Terengganu dalam bukunya iaitu 'Kisah Pelayaran Abdullah'. Beberapa tahun kemudian, Humphreys (1926) dan Mc Kerron (1931) pula menulis tentang makna beberapa perkataan daripada dialek Terengganu. Disini dapat kita lihat kajian tentang dialek ini telah dikaji lama oleh pengkaji barat.

Dialek sebenarnya berpandukan kepada factor geografi dan factor sosial. Perbezaan dari segi bahasa berdasarkan kepada daerah atau disebabkan faktor geografi dipanggil dialek daerah. Dialek merupakan kelainan daripada sesuatu bahasa yang wujud disebabkan kelainan pertuturan antara masyarakat sesuatu bahasa. Ia dapat dibezakan melalui pertuturan sebutan, kosa kata, kata ganti nama, tatabahasa dan bunyi sebutan bahasa tersebut (Abdul Hamid Mahmood, 2006). Disini dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan kepada dialek Negeri Sembilan kerana ianya tiada perbezaan diantara daerah disebabkan semua daerah

menggunakan dialek yang sama tidak seperti dialek di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu.

Di samping itu, dalam Kamus Dewan Bahasa (2005:348) menyatakan bahawa dialek adalah salah satu bentuk bahasa yang sering digunakan dalam sesuatu daerah atau sesuatu kelas sosial yang berbeza daripada bahasa biasa, loghat, pelat neger dan lain-lain.

2.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa dialek Negeri Sembilan kurang dikaji oleh pengkaji-pengkaji sama ada pengkaji tempatan mahupun pengkaji barat. Namun begitu ianya masih perlu dikaji supaya dialek ini lebih diketahui oleh masyarakat di Malaysia ataupun di luar negara.

BAB 3

METHODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Untuk bab 3 ini, pengkaji akan menyentuh tentang methodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Setiap reka bentuk kajian diteliti satu persatu bagi melihat kesesuaiannya terhadap kajian ini. Hal ini penting kerana penggunaan methodologi yang sesuai mampu memacu kajian ini kepada data yang diperlukan. Oleh yang demikian, bab tiga dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kaedah kajian dan juga instrument kajian.

3.1 REKABENTUK KAJIAN DAN TEKNIK KAJIAN

Kaedah kualitatif adalah satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan umum, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks, menjelaskan dan menganalisis perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema. Kaedah kualitatif juga merupakan kajian semulajadi yang tidak mematuhi spesifikasi statistis, seterusnya dapatan kajian yang diperoleh adalah tidak boleh dijadikan umum. Disamping itu, kaedah ini turut menyumbang sesuatu kepada kajian

berstatistik. ‘Sesuatu’ disini bermaksud yang bermakna dan tidak boleh diukur (Schostak, John F., 2002)

Selain itu, kaedah kualitatif juga didefinisikan sebagai pengumpulan data yang didapati dalam bentuk pengalaman seseorang. Method ini dianggap lebih tulen dalam membahaskan nilai-nilai manusia. Sumber data dari kaedah ini lebih mendalami tentang ilmu sosial dan tindakan dalam kehidupan seharian masyarakat.

Melalui kaedah kualitatif ini, pengkaji mengaplikasikan kepada 3 kaedah iaitu analisis kandungan, kaedah perpustakaan dan juga melalui sumber internet. Melalui kaedah tersebut, pengkaji dapat memperolehi data dengan lebih banyak namun ianya hanya secara umum sahaja.

Dengan kaedah ini, kajian kes ini perlu menghimpunkan data yang berkaitan dengan tajuk. Kaedah persampelan yang dijalankan dapat membantu pengkaji untuk mengumpulkan data. Pengumpulan data yang banyak akan memudahkan pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan yang terdapat dalam kajian ini. Kaedah kualitatif ini lebih dianggap berstruktur dan lebih menumpukan kepada proses pengumpulan data.

3.1.1 INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua kaedah dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat secara lebih tepat iaitu mendapatkan secara data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperoleh secara analisis kandungan. Untuk data sekunder pula, ia hanya boleh dilakukan secara ilmiah berdasarkan rujukan sumber bahan

bacaan dan bahan-bahan berilmiah seperti buku, artikal, jurnal dan sebagainya. Oleh itu, data ini akan digunakan terlebih dahulu oleh pengkaji sebelum meneruskan kajian kes tersebut

Instrumen kajian yang diambil adalah perkara yang telah berlangsung atau terjadi. Kajian ini juga dikenalpasti sebagai satu cara untuk dijadikan sebagai sumber rujukan. Pada masa yang sama, kajian kes ini dapat dikenalpasti dengan lebih tepat dan terperinci berdasarkan kajian yang hendak dikaji. Maklumat yang dicari adalah berkaitan dengan pemahaman penonton terhadap penggunaan dialek dalam filem 'This Is Pilah'(2018) arahan Rosdi Md Dali. Oleh sebab itu, kaedah kajian kualitatif merupakan satu cara yang terbaik untuk mengumpul segala maklumat dan untuk memahami dengan lebih jelas tentang kes tersebut. Bagi mengumpul segala maklumat dalam bentuk kualitatif adalah dengan cara menemu bual, membuat pemerhatian dan daripada sumber secara ilmiah.

3.1.1.1 ANALISIS KANDUNGAN

Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga bahan-bahan elektronik seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen, cd dan papan iklan. Ia digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang ada dalam media berkenaan. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah ini untuk mengkaji dan menganalisis dalam mengkaji tentang penggunaan dialek Negeri Sembilan dalam skrip filem This Is Pilah. Dengan menggunakan instrumen ini, ia membawa kepada penemuan temubual Harian Metro Edisi 24 Mei 2018 yang bertajuk Komedi drama Dialek Negeri Sembilan dalam filem This Is Pilah. Ini dapat memberikan maklumat tentang semua yang berkaitan dengan filem tersebut.

3.1.1.2 PERPUSTAKAAN

Bagi kajian ini, sumber perpustakaan adalah sumber yang penting untuk mendapatkan maklumat sekunder. Melalui kajian ini, pengkaji dapat melakukan rujukan ilmiah di perpustakaan dengan teliti terutamanya rujukan berkenaan dialek Negeri Sembilan. Bahan rujukan seperti buku, jurnal, kajian lepas dan dokumen seperti tesis akan menjadi rujukan pengkaji dalam mengumpulkan maklumat dan teori dari bahan perpustakaan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui instrumen keperpustakaan, ia dapat membawa kepada penemuan buku Himpunan Loghat Nismilan (2018) terbitan Badan Kebajikan dan Kemajuan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan dan tesis Dialek Negeri Sembilan dan Dialek Minangkabau oleh Norasimah Mat Awal di Perpustakaan Negeri Sembilan dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

3.1.2.3 SUMBER INTERNET

Dengan menggunakan sumber daripada internet juga adalah penting dalam menambah maklumat-maklumat penting dalam kajian ini. Oleh sebab itu, pengkaji berjaya menemui bahan bacaan iaitu artikel jurnal daripada sarjana yang mengkaji tentang dialek. Antaranya ialah Asmah Haji Omar (1991), Anisah Haji Sarji Et Al (1996), Norazila Alias (1986) dan Wiramanja A.Rahman A. Hanafiah (2021). Penggunaan instrumen internet juga dapat membantu pengkaji dalam memperolehi filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali. Hal ini kerana pada zaman kini, internet adalah suatu kaedah yang paling cepat dan senang untuk mencari maklumat tambahan sama ada maklumat daripada dalam negara mahupun carian antarabangsa. Kaedah carian melalui internet ini adalah mudah kerana ianya hanya boleh dilakukan menggunakan aplikasi telefon bimbit mahupun menggunakan komputer. Pada zaman kini, segala maklumat hanya boleh dicari didalam internet dan penggunaan sumber internet pada masa kini adalah digunakan secara meluas.

BAB 4

4.0 PENGENALAN

Bab empat menerangkan tentang analisis filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali khususnya dalam aspek dialek yang digunakan. Setiap dialek Negeri Sembilan yang disampaikan oleh pelakon diteliti satu persatu dalam bahagian ini demi melihat ketepatan dan kesesuaiannya. Bagi tujuan tersebut, bab empat dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Analisis Filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md.Dali, Kesesuaian Dialek Negeri Sembilan dan Kesimpulan.

4.1 ANALISIS FILEM THIS IS PILAH (2018) ARAHAN ROSDI MD. DALI

Kaedah pengumpulan data yang pertama adalah melalui kaedah menganalisis bahan-bahan kandungan seperti bahan bacaan buku, jurnal dan juga bahan-bahan elektronik seperti filem. Melalui bahan bacaan iaitu buku, pengkaji telah mengumpul semua perkataan-perkataan dialek yang digunakan dalam filem tersebut.

Drama ini mengisahkan tentang percintaan seorang pemuda bernama Jasni yang sudah lama menaruh hatinya pada Ara, gadis kampung pilihannya. Namun agak sukar untuk Jasni mengambil hati ibu Ara, Mak Siti yang memang dari mula tidak suka dengan Jasni yang dilihatnya sebagai seorang pemuda yang tidak mempunyai masa depan yang cerah walaupun bapanya, Pak Dollah, merupakan seorang usahawan yang berjaya.

Ibu Ara mahukan bakal menantunya seorang yang dapat memberikan kebahagiaan kepada Ara, tanpa Ara perlu bekerja untuk mendapatkan rezekinya sendiri. Keadaan menjadi semakin kelam kabut apabila secara senyap-senyap, Pak Dollah sebenarnya juga sudah jatuh hati dengan Mak Siti. Dan untuk mengurangkan kekeliruan nanti, Pak Dollah dan Mak Siti tidak menggalakkan langsung Jasni berkahwin dengan Ara. Alasan yang diberikan ialah Jasni dan Ara adalah dari satu suku yang sama dan mengikut Adat Papatih perkahwinan seperti ini sangat tidak digalakkan.

Impian Jasni semakin sukar apabila mendengar khabar yang Ara akan dipinang oleh seorang pemuda dari Seremban. Jasni tidak putus asa sehinggalah disahkan yang Pak Dollah akan menikah dengan Mak Siti. Namun Jasni mendapat semula semangatnya apabila dia disedarkan oleh Waris yang dia adalah anak angkat dan tidak mempunyai talian langsung dengan keluarga Ara dan bukannya dari satu suku yang sama. Walaupun begitu, Jasni perlu bertindak segera sebelum Ara menerima peminangan dari pemuda Seremban itu.

Filem ini adalah bergenre komedi dan filem tersebut diterbitkan adalah untuk mengangkat tema Adat Papatih di Negeri Sembilan. Hal ini kerana, filem ini adalah filem yang menggunakan seratus peratus dialek Negeri Sembilan. Plot cerita filem This Is Pilah ini agak mendatar pada awalnya namun ia menjadi semakin menaik pada klimaks cerita tersebut.

Disamping itu, kesemua artis yang berlakon dalam filem ini juga mempunyai asal-usul dari Negeri Sembilan, sekali gus membuatkan filem ini lebih menarik dan asli.

Penggambaran filem ini juga dilakukan sepenuhnya di Kuala Pilah dan tempoh penggambaran hanya mengambil masa selama 16 hari sahaja. Skrip dan dialog yang digunakan dan dituturkan dalam filem ini adalah menggunakan dialek Negeri Sembilan, Bahasa Melayu baku dan juga terdapat beberapa perkataan Bahasa Inggeris yang digunakan dalam babak-babak yang tertentu.

Selain itu, lagu tema filem ini bertajuk *This Is Pilah* yang dinyanyikan oleh penyanyi WARIS iaitu seorang artis yang berasal daripada Negeri Sembilan. Setiap lirik yang terdapat dalam lagu ini adalah menggunakan seratus peratus dialek Negeri Sembilan dan juga terdapat juga penggunaan bahasa Melayu Baku. Oleh itu, penggunaan lagu ini sangat bersesuaian dengan tema yang ingin disampaikan dalam filem tersebut.

Melalui analisis filem, pengkaji telah mengenalpasti dialek yang digunakan dalam filem *This Is Pilah* (2018) bertepatan dengan maksudnya yang sebenar. Sebagai contoh :-



Rajah 4.1

Pada babak ini, Pak Dollah sedang bercakap terhadap anaknya, Jasni tentang cara pemakaian. Pak Dollah menyatakan bahawa “ *Semuo orang percayo walaupun kito bongak*

yo”. Maksud dialog tersebut dalam Bahasa Melayu Baku adalah “ *Semua orang percaya walaupun kita menipu saja*”. Melalui pemerhatian ini, kita dapat lihat bahawa maksud dialek tersebut iaitu *bongak* adalah merujuk kepada maksud perkataan *menipu* adalah maksud yang sebenar dan tepat.



Rajah 4.2

Pada babak ini, Mak Siti sedang bertanya kepada anaknya, Ara adakah budak-budak di kampung itu selalu mengacau anaknya. Dalam dialog tersebut, “*ado tak jebon-jebon datang ngacau kau?*” apabila diterjemahkan dalam Bahasa Melayu Baku akan menjadi seperti “*ada tak budak-budak jahat kacau kau ?*”. Maksud *jebon-jebon* itu adalah kata nama panggilan yang merujuk kepada *budak-budak jahat* di kampung tersebut.



Rajah 4.3

Pada babak ini pula, Pak Dollah telah menyebut satu perkataan dialek iaitu perkataan takdo dakwo-dakwi yang bermaksud tiada soal jawab dalam Bahasa Melayu Baku.



Rajah 4.4

Seterusnya adalah babak dimana semasa Mak Siti bertemu dengan Pak Dollah di tepi jalan. Dalam babak ini, Mak Siti hampir dilanggar oleh budak kecil yang sedang menunggang basikal namun sempat diselamatkan oleh Pak Dollah. Dalam babak ini, Mak Siti telah menceritakan jika dia dilanggar oleh budak tersebut.

Dialek Negeri Sembilan	Bahasa Melayu Baku
Macam mano? Mak Siti Sonaling jatuh tokangkang kono langgar	Macam mana? Mak Siti Senaling terkangkang dilanggar



Rajah 4.5

Babak yang seterusnya adalah semasa Pak Dollah berjumpa dengan seorang rakannya di masjid. Mereka berbual tentang rakan mereka yang sudah berkahwin.

Dialek Negeri Sembilan	Bahasa Melayu Baku
Lelan yo dudok topi tingkap	Selalu duduk di tepi tingkap

Dalam bahasa Melayu baku, maksud *Lelan* adalah leka, termenung ataupun asyik. Dalam konteks bahasa, perkataan dialek tersebut bertepatan dengan maksud dan ayat yang ingin disampaikan.

Terdapat beberapa perkataan dialek Negeri Sembilan yang telah dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji daripada filem *This Is Pilah* (2018) pada setiap babak dalam filem tersebut. Dibawah adalah senarai perkataan-perkataan yang digunakan dalam filem tersebut.

PERKATAAN DIALEK	MAKSUD DALAM BAHASA MELAYU BAKU
Sey/Den	Saya
Dogil	Degil
Bona	Sangat
Maghin	Semalam
Koba	Beritahu
Poie	Pergi/bertolak
Laie	Lagi
Koput	Teman Wanita
Dogheh	Cepat
Buek	Buat/lakukan

Ateh	Atas
Sinia	Sini/arah
Sanun	Sana/arah
Ghoto	Harta
Momokak	Bising/memekak
Copek	Cepat
Unggih	Gigit/baham
Goma	Suka
Molopeh	Melepas/terlepas
Bongak	Menipu
Nasab	Sebab
Handa	Bagus
Dikenenkan	Dijodohkan
Tak borangkek	Tidak berangkat

Setiap perkataan dialek yang disebut dalam filem *This Is Pilah* (2018) adalah bertepatan dan bersesuaian dengan ayat yang ingin disampaikan dalam babak tersebut. Selain itu, setiap sebutan perkataan dialek Negeri Sembilan yang diucapkan oleh pelakon dalam filem ini adalah betul.

Hal ini disebabkan oleh pemilihan pelakon yang sesuai dan mempunyai pengetahuan dalam dialek Negeri Sembilan telah membuatkan skrip tersebut amat bersesuaian untuk dijadikan dialog dalam filem tersebut.

4.2 KESESUAIAN DIALEK NEGERI SEMBILAN

A. Analisis dari filem

1. Sebutan/ Intonasi

Penggunaan dialek yang tepat dan fasih yang memberi gambaran pelakon mempunyai latar belakang Negeri Sembilan. Penggunaan intonasi dan sebutan yang bersesuaian juga turut memainkan peranan yang penting dalam sesebuah filem. Bagi penonton luar, mereka akan menganggap dialek yang dituturkan dalam filem tersebut merupakan dialek yang digunakan oleh masyarakat Negeri Sembilan. Namun berlainan pula dengan penonton yg berasal Negeri Sembilan, mereka mengetahui lontaran nada dalam filem. Sebagai contoh dalam menuturkan sesebuah ayat mengikut keadaan, beberapa perkataan yang dituturkan akan ditekankan.

2. Kefahaman pelakon terhadap dialek Negeri Sembilan

Pemilihan pelakon yang mempunyai latar belakang Negeri Sembilan. Bagi pemilihan pelakon filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali, setiap pelakon yang dipilih mempunyai latar belakang Negeri Sembilan. Mereka juga turut pengalaman berkomunikasi dalam menuturkan dialek Negeri Sembilan. Keadaan ini dapat dilihat dalam filem tersebut. Bagi masyarakat di Negeri Sembilan yang mahir menuturkan dialek ini, mereka sudah pasti dapat menentukan kebolehan dan kemampuan pelakon tersebut dalam menuturkan dialek Negeri Sembilan.

B. Audiens dengan produk yang dihasilkan

Penghasilan filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali, ia dihasilkan dan disasarkan kepada penonton/ audiens yang mempunyai latar belakang Negeri Sembilan. Penggunaan dialek ini bersesuaian dengan penonton yang mempunyai latar belakang Negeri Sembilan dan latar belakang penceritaan adalah berkisar dengan kehidupan masyarakat di sana. Dialog yang dituturkan mampu difahami dan diterjemah oleh audiens secara terus

Filem ini dihasilkan berdasarkan latar belakang masyarakat di Negeri Sembilan. Sasaran utama penonton filem ini adalah untuk memaparkan dan menunjukkan perihal kebudayaan dan adat masyarakat Negeri Sembilan yang terkenal dengan adat perpatihnya. Contohnya, perkahwinan dalam suku yang sama. Hal ini boleh menyebabkan mereka yang terlibat dibuang daerah dan dinafikan hak, khususnya bagi perempuan untuk mewarisi harta pusaka mengikut adat Minangkabau.

Filem ini juga memaparkan bagaimana proses peranan buapak dan anak buah dalam hierarki masyarakat di Negeri Sembilan yang masih berpegang kepada amalan adat pepatih yang kuat. Namun, filem ini juga mampu untuk bersaing seiring dengan filem dialek yang lain. Hal ini kerana masyarakat kini mempunyai kebolehan dan kemampuan untuk memahami dialek negeri lain walaupun kefahaman yang dimiliki adalah terhad.

4.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui 2 kaedah tersebut, pengkaji mendapati bahawa penggunaan dialek Negeri Sembilan adalah bersesuaian untuk diaplikasikan dalam skrip filem. Disamping itu, pengkaji mendapati bahawa setiap perkataan dialek Negeri Sembilan yang digunakan dalam skrip filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali ini adalah menepati maksud penggunaannya dan ianya sangat tepat dalam menjelaskan maksud sesuatu ayat dalam dialog tersebut.

BAB 5

5.0 PENGENALAN

Bab lima adalah bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Seterusnya pengkaji akan memberikan beberapa pendapat berdasarkan keseluruhan kajian ini.

5.1 RUMUSAN

Dialek bukan hanya digunakan dalam pertuturan seharian oleh masyarakat, ia juga digunakan dalam pelbagai jenis bidang dan aktiviti termasuklah digunakan dalam bidang perfileman. Kebanyakkan drama kini hanya menggunakan bahasa baku iaitu Bahasa Melayu standard yang selalunya digunakan oleh masyarakat biasa. Namun terdapat juga beberapa drama Melayu yang menggunakan dialek negeri-negeri tertentu berdasarkan jalan cerita atau 'storyline' sesebuah drama. Filem boleh disimpulkan sebagai sebuah hasil produk teknologi, produk budaya siber, dan produk seni media baru dan secara umumnya filem mempunyai tiga peranan penting iaitu memaklumkan, mempengaruhi dan menghiburkan (Anisah Sarji, 1996).

Filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md Dali telah mengangkat tentang adat Papatih dengan jalan cerita yang menarik selain menggunakan 100 peratus dialek Negeri Sembilan. Sebagai pengkaji filem ini, pengkaji merasa bangga dengan seluruh tenaga produksi kerana telah menjayakan pembikinan naskah itu kerana mengangkat topik yang jarang diketengahkan dalam cara santai dan menghiburkan. Bukan mudah untuk masyarakat luar untuk memahami adat Papatih yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan, jadi melalui filem ini ianya membantu membuka mata masyarakat dari memandang serong atau mempunyai spekulasi sendiri tentang penggunaan adat Papatih ini.

Dialek atau loghat sering digunakan dalam kalangan masyarakat. Dialek boleh mengeratkan hubungan antara rakan se negeri. Namun dialek juga boleh menyebabkan impak negatif. Corak penggunaan dalam konteks ini membawa maksud hanya masyarakat setempat sahaja yang memahami dan menjiwai dialek negeri atau daerah tersebut. Dapat dilihat bahawa bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan masyarakat. Justeru, kajian dialek juga mempunyai beberapa tujuan dan kepentingan yang dapat digarap dengan adanya kajian- kajian dan penelitian terhadap bahasa- bahasa ini.

Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati bahawa tiada kesalahan terhadap penggunaan dialek Negeri Sembilan yang telah diaplikasikan dalam filem tersebut. Ini menunjukkan bahawa filem ini telah membuat kajian dan juga mereka memastikan bahawa setiap perkataan yang digunakan adalah menepati maksud dan struktur ayat tersebut. Selain itu, daripada hasil pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa sebanyak hampir 90 peratus filem ini menggunakan dialek Negeri Sembilan sama ada dalam dialog, skrip mahupun didalam lirik lagu tema filem ini.

Oleh itu, filem ini dianggap telah berjaya menaikkan martabat dialek Negeri Sembilan kerana tidak banyak pembuat filem mahupun stesen televisyen yang berjaya menghasilkan filem yang menggunakan dialek Negeri Sembilan. Walaupun filem ini tidak memenangi anugerah, pengkaji percaya bahawa melalui filem ini, dialek Negeri Sembilan telah diperkenalkan dan telah dimartabatkan sebagai sebuah dialek yang unik dan harus dipelihara.

5.1.1 IMPLIKASI DIALEK

Kesan positif daripada penggunaan dialek dalam kalangan masyarakat ialah dapat memudahkan masyarakat menyampaikan mesej yang ingin disampaikan kepada rakan seenergi dengan efektif malah luar negeri juga kebanyakannya juga sekarang gemar bertutur dialek Negeri Sembilan. Oleh yang demikian, semasa berkomunikasi, mereka akan mewujudkan kemesraan sesama mereka. Hubungan antara mereka akan menjadi lebih erat dan utuh. Selain itu, mereka akan berasa tenang dan selesa apabila berkomunikasi antara satu sama lain. Namun dalam kita memfokuskan pada dialek, kita juga harus lebih mengutamakan bahasa ibunda iaitu Bahasa Melayu. Dialek dapat menjadikan mutu Bahasa Melayu dalam lisan dan tulisan akan merosot. Penggunaan Bahasa dialek boleh mempengaruhi penulisan dan lisan tanpa disedari terutama pada pelajar sama ada pelajar sekolah mahupun universiti dalam tugas penulisan mereka. Namun menarik dan bagusnya filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali ini, filem ini menyediakan sari kata yang tepat dalam penggunaan Bahasa Melayu baku. Dari itu filem ini telah dapat dan berjaya mendidik masyarakat dalam mengaplikasikan bahasa dengan baik.

Sebagai rakyat Malaysia kita haruslah ambil tahu tentang dialek- dialek yang ada di Malaysia dan sama-sama kita pelajari serba sedikit supaya kita dapat berkongsi apa keistimewaan negara Malaysia di mata dunia. Berdasarkan perkembangan semasa, industri filem Malaysia menunjukkan potensi untuk berkembang dan menyumbang kepada pendapatan negara. Ini kerana sokongan kuat daripada penonton tempatan, insentif kerajaan menerusi DIKN, kelonggaran yang diberikan Lembaga Penapisan Filem (LPF) kepada penggiat dan pengkarya filem serta kemudahan pinjaman yang disediakan. Penerbitan filem Melayu kini semakin rancak dengan bilangan filem yang diterbitkan semakin bertambah

sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Industri filem 88 tempatan turut mendapat semula perhatian penonton dan makin diperkatakan secara meluas dan menjadi perbualan ramai.

Dalam menjayakan kewujudan dialek ini pihak industri haruslah memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu. Filem *This Is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali ini bukan sahaja ditonton oleh rakyat Malaysia malah turut mendapat sambutan oleh negara Indonesia dan Singapura. Dalam dunia teknologi kini, filem, lagu, bahan bacaan dan sebagainya mudah dilayari, ibarat kata 'semuanya hanya dihujung jari'. Maka pihak industri haruslah mengambil peluang dan bijak dalam mengatur strategi dalam memperkenalkan filem-filem Malaysia di mata dunia. Negeri Sembilan yang kaya dengan adat, budi bahasa, budaya dan cara pemakaian yang unik haruslah didedahkan. Ini juga membantu dari segi sektor pelancongan, supaya masyarakat luar sama ada dalam negara atau luar negara dapat mengenali keunikan sesebuah negeri. Penggunaan bahasa juga haruslah dititikberatkan daripada penggunaan bahasa lucah atau kesat. Bahasa-bahasa seperti ini harus ditapis kerana boleh merosakkan imej individu, negeri dan negara. Dalam filem *This is Pilah* (2018) arahan Rosdi Md. Dali ini ada menggunakan istilah 'Jebon'. Bahasa ini tidak kasar mahupun kesat, ianya adalah persamaan atau istilah kepada budak- budak yang jahat atau nakal. Itulah keunikan bahasa dialek yang semua harus ambil tahu dan tidak salah faham. Pihak kerajaan dan pihak-pihak berwajib juga haruslah memainkan peranan yang penting dalam membangunkan filem-filem tempatan terutama filem yang mengagkat bahasa dialek, sama- sama membantu memperkenalkan keistimewaan pada setiap negeri. Namum jangan dilupakan bahasa ibunda yang melambangkan bahasa utama Malaysia.

5.2 CADANGAN

Hasil daripada kajian diatas, pengkaji ingin memberikan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan dan rujukan terhadap pengkaji-pengkaji yang lain. Antara cadangan yang diutarakan oleh pengkaji adalah kajian tentang dialek terutamanya dialek Negeri Sembilan mestilah dipelbagaikan dan ia harus dikaji dengan lebih mendalam kerana tidak banyak kajian yang mengkaji tentang dialek Negeri Sembilan. Pengkaji juga menyedari bahawa hanya dialek Kelantan dan juga dialek di negeri utara sahaja yang telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji tempatan.

Cadangan seterusnya adalah kepada penggiat seni di Malaysia. Sebelum penggiat seni di Malaysia ingin menggunakan dialek, mereka haruslah membuat penyelidikan, mencari maklumat dengan lebih terperinci untuk kesesuaian dan cara untuk menggunakan dialek tersebut dalam hasil seni mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa dialek yang digunakan adalah menggunakan definisi dan maksud yang betul.

Cadangan untuk pengkaji dialek yang lain, mereka mestilah memastikan bahawa hasil kajian tentang dialek yang telah dilakukan mestilah disampaikan, diterbitkan dan disebarkan kepada semua peringkat masyarakat, golongan pelajar dan juga golongan yang terlibat dalam penggunaan dialek ini supaya hasil pengetahuan ini dapat digunakan dan diaplikasikan dalam kehidupan dengan baik. Cadangan yang terakhir adalah pengkaji mencadangkan supaya kajian dalam dialek terutamanya dalam bidang seni seperti perfileman ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya penggunaan dialek ini tidak dilupakan oleh masyarakat dan ianya mampu meningkatkan industri perfileman disamping memartabatkan bahasa di Malaysia.

5.3 KESIMPULAN

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa terdapat ramai sarjana-sarjana dalam bidang bahasa yang telah menerokai bidang dialektologi iaitu kajian-kajian yang dibuat untuk mengkaji dialek samada pengkaji luar mahupun pengkaji tempatan. Ini merupakan suatu perkembangan positif yang mana pengkajian seperti ini secara tidak langsung akan menonjolkan dan mengetengahkan keistimewaan satu-satu dialek agar ia boleh diperkasakan dan diperluaskan lagi penggunaannya, khususnya dialek Negeri Sembilan agar banyak lagi kosa kata atau leksikon dialek ini serta dapat dimartabatkan sebagai daftar kata dalam bahasa Malaysia Standard. Selain itu, pengkaji mencadangkan kajian mengenai psikografi penonton dilakukan bagi melihat tingkah laku tontonan dengan umur dan pendapatan. Ini membolehkan penerbit menyediakan cerita yang bersesuaian dengan kehendak khalayak yang menjadikan filem tempatan sebagai pilihan pertama tontonnya. Penggunaan rangkaian media sosial untuk mempromosikan filem terutama pada peringkat pre-produksi, penggambaran dan pasca produksi perlu dikongsi dengan khalayak sebagai langkah promosi.

RUJUKAN

Abdul Hamid Mahmoo, (1994), Sintaksis Dialek Kelantan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Analisis Kandungan (Filem), This Is Pilah 2018

Asmah Haji Omar, (1991), Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anisah Sarji Et Al. (1996), Pola Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia, Kuala Lumpur, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) / Hlm 5.

Abdul Hamid Mahmood (1990), Dialek Terengganu : Satu Tinjauan Ringkas, Kuala Lumpur, Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Mahdzan Ayob (1993), Principal's Leadership Style and School Performance.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2015), <http://ekamus.dpb.gov.my>

John F.Schostak (2002), Understanding, Designing and Conducting Qualitative Research in Education, Open University Press.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi 4 (2010), Kuala Lumpur.

James T. Collins (1983), Malay Dialect Research In Malaysia: The Issues of Perspective diambil di internet <http://www.kitlv-journals.nl>

Mohammad Fadzeli Jaafar (2017), Morfosintaksis Dialek Negeri Sembilan dan Dialek Minangkabau, Jurnal Online Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norazila Alias (1986), Dialek Kuala Pilah : Satu Tinjauan Fonologi dan Leksikal, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nik Safiah Karim (1995), Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naim Haji Ahmad (2010), Ke Arah Membentuk Definisi dan Konsep Filem Islam, Jurnal Universiti Malaya.

Ramli Md Salleh (2002), Struktur Kos Sintaksis Bahasa Melayu, Google Books.com.


R.S. Hendon (1996) , Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay diambil di internet [https:// www.web.usm.my](https://www.web.usm.my)

Temubual Harian Metro/ Edisi 24 Mei 2018/ Komedi drama Dialek Negeri Sembilan dalam filem This Is Pilah.


Wiramanja A.Rahman A.Hanafiah (2021), Penulisan Skrip Filem: Ketajaman Pemikiran dan Bakat. Diambil daripada sumber internet : <https://www.academia.edu>.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN